



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 9/ 2024 (September 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	Menggarap Cinta Rasulullah	6 September 2024M/ 2 Rabi'ulawwal 1446H
2.	Mengimani Allah, Meneladani Rasulullah	13 September 2024M/ 9 Rabi'ulawwal 1446H
3.	Jiwa Merdeka	20 September 2024M/ 16 Rabi'ulawwal 1446H
4.	Angkara Batu Sempadan	27 September 2024M/ 23 Rabi'ulawwal 1446H
Khutbah Kedua		

دبىاىاءى:



زكاة فولاو فينغ

دترىبىتكىن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ

Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang

- 1. Sahibus Samahah Prof Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Angkara Batu Sempadan

27 September 2024M/ 23 Rabi'ulawwal 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَعَاثُوا أَلَيْتَمَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَّبِعُوا الْحَيْثَ بِالطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا

أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ﴿١﴾ سورة النساء

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripada-Nya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,



Setiap manusia pasti akan menemui ajal seterusnya akan meninggalkan harta untuk dipusakakan kepada ahli waris. Khatib pasti, sebahagian kita di sini berpengalaman berhadapan dengan perbalahan dalam menguruskan harta pusaka. Atau sekurang-kurangnya, mendengar masalah-masalah yang timbul berkaitan harta pusaka dalam kalangan keluarga terdekat, jiran tetangga atau sahabat handai. Justeru itu pada hari ini, khatib akan berbicara berkenaan tajuk yang amat penting, iaitu **“Angkara Batu Sempadan.”**

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** merakamkan di dalam Al-Quran ayat-ayat mengenai pewarisan harta. Antara ayat yang paling lengkap berkaitan hukum hakamnya disebut dalam surah an-Nisa' ayat 11,12 dan 176.

Ayat-ayat ini menunjukkan betapa hukum-hakam faraid pewarisan harta sangat penting dalam syariat. Ia perlu diurus dengan baik dan cekap sewaktu hidup lagi. Jika tidak, kita akan berhadapan dengan masalah yang pada akhirnya membawa mala petaka dan keretakan hubungan kekeluargaan yang tidak berkesudahan.

Malah tuan-tuan sekalian, yang paling kita takuti, tanpa sedar seseorang itu sudah termakan hak orang lain, hak anak yatim dan ahli waris bertahun-tahun lamanya tanpa disedari, wal'iyazu billah (وَالْعِيَاذُ بِاللَّهِ).

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** berfirman dalam Surah an-Nisa', ayat kedua:

وَعَائِلُوا الْيَتَامَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَبَدَّلُوا الْخَبِيثَ بِالطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ
إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ﴿٢﴾

Maksudnya: *“Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu, kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa yang besar.”*

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Kita tidak akan dapat menyelesaikan sesuatu masalah umat jika tidak dapat memastikan apakah punca permasalahan sebenar. Justeru, pakar dalam bidang syarak dan undang-undang telah memberi pandangan mereka berkenaan hal ini.

Pertama: Norma masyarakat Melayu menganggap bahawa, membahagikan harta pusaka dengan segera, adalah satu sikap tamak seseorang terhadap harta-harta si mati. Sedangkan, pakar-pakar faraid menasihati supaya bersegera membuat pembahagian harta selepas kematian pewaris. Jika tidak, akan berlaku tanpa disedari kita termakan harta milik orang lain. Dalam masa yang sama, kita menafikan hak-hak waris yang lain.

Di negeri kita Pulau Pinang, urusan ini boleh diselesaikan di Mahkamah Syariah untuk mendapatkan sijil faraid. Ia kemudiannya dipanjangkan ke Unit Pusaka Kecil di Pejabat Tanah untuk diproses di mahkamah jika jumlah harta tersebut besar.

Kedua: Tidak mempunyai pengetahuan tentang ilmu faraid serta pengurusannya. Justeru, belajarlah ilmu faraid walaupun yang paling asas. Hal ini kerana, akan sampai satu masa nanti kita akan berhadapan

dengan hal ehwal pembahagian harta pusaka, tidak kiralah sama ada kita dalam golongan miskin, sederhana atau kaya.

Ketiga: Hubungan yang tidak baik semasa hidup atau suami isteri yang tidak mempunyai anak. Isu ini memberi kesan kepada pembahagian harta selepas mati. Kematian salah seorang daripadanya yang turut melibatkan keluarga masing-masing menyebabkan pentadbir harta gagal dilantik. Maka pembahagian harta akan menjadi sangat lambat dan sulit.

Keempat: Terdapat dalam kalangan waris telah pun menggunakan dan mengambil harta pusaka sebelum pewaris atau si mati meninggal dunia. Contohnya ada ahli waris yang telah menduduki rumah si mati atau mengawal harta tersebut kerana sifat tamak dan pentingkan diri.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menurut laporan akhbar Utusan Malaysia 6 September 2023, sehingga tahun 2022 menyaksikan 90 bilion harta pusaka masih tidak dituntut di seluruh negara. Punca utamanya kerana waris bersikap sambil lewa, bertanggung dan malas untuk menguruskan harta ini. Begitu juga, kesilapan ini berlaku disebabkan pewaris banyak merahsiakan harta, aset dan perkahwinan semasa hidup, selain perbalahan yang berlarutan sehingga proses menjadi sukar dan rumit.

Bayangkan jumlah harta yang sebegitu besar dapat dimanfaatkan buat umat. Namun, malangnya sikap sebahagian kita yang sangat naif dan tidak bijak mengurus harta, masyarakat Islam terpaksa menanggung kerugian.

Justeru, semasa hidup lagi rancanglah pengurusan harta dengan baik demi kebajikan dan kemudahan kita sendiri dan ahli waris selepas kematian kita.

Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ melalui hadis Baginda mengingatkan:

لَا تَزُولُ قَدَمَا عَبْدٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُسْأَلَ عَنْ عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ عِلْمِهِ فِيمَا فَعَلَ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ جِسْمِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ

Maksudnya: “Tidak akan melangkah kaki anak Adam pada Hari Kiamat sehingga ditanyakan mengenai umurnya pada apa ia dihabiskan, mengenai ilmunya pada apa ia dilakukan, mengenai hartanya dari mana ia diperolehi dan ke mana ia dibelanjakan dan mengenai tubuhnya pada apa ia dihabiskan.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Suka khatib menyimpulkan bicara khutbah hari ini seperti berikut:

Pertama: Buatlah semakan dan uruskanlah segera harta pusaka yang telah lama tertangguh sama ada di Unit Pembahagian Pusaka Kecil di Pejabat Tanah dan Galian, Amanah Raya Berhad, Mahkamah Syariah atau Mahkamah Tinggi.

Kedua: Rancanglah pengurusan harta semasa hidup. Antara perkara yang boleh dilakukan adalah dengan melakukan hibah atau wasiat terhadap harta yang kita ada.

Ketiga: Sudah sampai masanya masjid, surau dan Institusi Komuniti Islam mengadakan program Celik Faraid dan Pengurusan Harta.



Keempat: Semua kita hendaklah merasa bertanggungjawab terhadap pengurusan harta faraid supaya tiada antara kita yang termakan harta haram atau terambil harta yang bukan haknya atau menafikan ahli waris yang berhak.

Semoga tidak ada lagi pertikaian hanya kerana sebuah batu sempadan yang akhirnya memecah belahkan hubungan persaudaraan.

Firman Allah dalam surah an-Nisa' ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2024M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اْعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam
Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan
keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*



رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾

